

Headline	MAJUKAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	8	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,897
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,691



MAJUKAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menandatangani memorandum persefahaman

(MoU) bagi meneruskan kerjasama penyelidikan dalam bidang sumber air, perhutanan dan alam sekitar. FRIM dan NAHRIM mengadakan kerjasama penyelidikan sejak 2014

hingga 2016 melalui projek 'Pemuliharaan Kualiti Air Kolam FRIM' yang dijalankan NAHRIM menggunakan teknologi penapisan air (biofilter) dan fitoremediasi.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Latif Mohmod berkata, pihaknya mula menggunakan sistem penuaian air hujan (rain water harvesting) untuk kegunaan air bukan domestik.

Beliau berkata, FRIM berharap dengan kepakaran NAHRIM dapat memajukan lagi aplikasi teknologi hijau di kampus ini selain dapat menjimatkan kos pengurusan.

"FRIM berkeluasan 544.3 hektar terletak di kawasan hulu tadahan air mempunyai

kolam dan tasik yang memerlukan pengurusan lebih sempurna.

"Tasik dan kolam mempunyai nilai estetika di FRIM dan perlu dipulihara memandangkan FRIM mempunyai hala tuju untuk mencapai pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO menjelang 2020.

"Kerjasama NAHRIM di harap dapat membantu FRIM dalam pemuliharaan kolam dan tasik berkenaan. Teknologi yang akan digunakan boleh dijadikan sebagai contoh kepada yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani MoU bagi pihak FRIM sementara NAHRIM diwakili Ketua Pengarahnya Datuk Ir Dr Azuhan Mohamed di

FRIM, Kepong, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun dan Pengarah Pusat Kajian Kualiti Air dan Alam Sekitar NAHRIM Ir Dr Lee Hin Lee.

Dr Abdul Latif berkata, sebagai kawasan hulu tadahan air yang berasal dari Bukit Lagong, FRIM mempunyai bekalan sumber air bersih yang bukan saja sumber air mentah untuk kegunaan domestik bagi komuniti FRIM tetapi juga ekosistem di hiliran Sungai Kroh.

"Sumber air ini juga boleh menyumbang kepada kolam air di FRIM dalam usaha memulihara kualiti air kolam," katanya.



DR Abd Latif (kiri) dan Azuhan menandatangani MOU